



**"TITAH SULTAN, MASLAHAH UMMAH".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١١٣﴾<sup>1</sup></p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan takwa, Allah menganugerahkan kepada kita kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Tajuk khutbah hari ini ialah "<b>TITAH SULTAN, MASLAHAH UMMAH</b>".</p>	6
<p>Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana hari ini rakyat Negeri Selangor menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang ke-75. Kita berdoa semoga Allah lanjutkan usia baginda Tuanku dalam keadaan sihat dan afiat, iman dan taat, memerintah negeri dengan adil dan saksama serta dilindungi dari bencana dan musibah.</p>	7

<sup>1</sup> Ali Imran : 102.



<p>Dalam Islam, pemimpin yang adil mendapat kelebihan dan keistimewaan daripada Allah SWT iaitu salah satu yang mendapat naungan Allah pada hari akhirat nanti</p>	8
<p>sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: إِمَامٌ عَادِلٌ</b></p>	9
<p><i>"Tujuh golongan yang Allah naungi mereka pada hari yang tiada naungan kecuali naungan Allah iaitu antaranya pemimpin yang adil."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	10
<p>Menjadi pemimpin yang adil adalah suatu kewajipan kepada semua pemimpin. Imam al-Hassan al-Basri pernah menasihati Khalifah Umar bin Abdul Aziz menerusi kata-katanya "pemimpin yang adil tidak ubah seperti ibu yang sentiasa mencintai anaknya, dia mengandung dan melahirkannya dengan susah payah, dia mendidiknya pada saat masih kecil, dia tidak tidur malam bila anaknya juga tidak tidur malam, dia akan merasa tenang bila anaknya tenang, dia menyusuinya dan kemudian mendokongnya, dia merasa senang bila anaknya sihat dan merasa gundah bila anaknya sakit."</p> <p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,</b></p>	11
<p>Sesungguhnya Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor telah memperuntukkan bahawa menjadi tanggungjawab Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk memerintah negeri dan memelihara agama Islam sebagai agama negeri. Sebagai Sultan sudah tentu tanggungjawab ini sangat besar bagi memastikan negeri, rakyat dan agama Islam dalam keadaan sejahtera, maju dan terpelihara. Segala tanggungjawab yang diamanahkan ini akan ditanya oleh Allah SWT di hari akhirat nanti</p>	12



sebagaimana diperingatkan dalam sebuah hadis riwayat daripada Anas bin Malik Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: إِنَّ اللَّهَ سَائِلٌ كُلَّ رَاعٍ عَمَّا اسْتَرْعَاهُ، أَحْفِظَ ذَلِكَ أَمْ ضَيَّعَ؟ حَتَّى يُسْأَلَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ	13
<p><i>“Sesungguhnya Allah akan menyoal setiap pemimpin tentang tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya sama ada ia tunaikan atau abaikan? Sehingga seorang lelaki ditanya tentang ahli keluarganya.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Nasa’i).</i></p>	14
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi,</b></p> <p>Duli Yang Maha Mulia Sultan memainkan peranan amat penting sebagai pelindung rakyat yang berbilang kaum dan agama. Walaupun agama Islam sebagai agama negeri, namun undang-undang membenarkan agama lain boleh diamalkan oleh penganut agama tersebut dengan aman. Di sinilah, Duli Yang Maha Mulia Sultan menjadi pelindung rakyat. Bagindalah yang bertanggungjawab memastikan rakyatnya hidup dalam keadaan harmoni dan hormat menghormati antara satu dengan yang lain.</p>	15
<p>Duli Yang Maha Mulia Sultan juga memainkan peranan sangat penting sebagai penyatu pemikiran rakyat. Di sinilah kedaulatan Sultan menjadi asas pemerintahan. Sebagai contoh wabak Covid-19 yang sedang melanda, Baginda sering bertitah menekankan bahawa semua pihak mesti berwaspada, berdisiplin dan patuh kepada SOP bagi menangani dan memutuskan rantaian wabak ini. Disamping itu, kepentingan rakyat yang ditimpa kesusahan akibat Covid-19 mesti diutamakan berbanding kepentingan politik tertentu. Ini menunjukkan betapa Sultan mempunyai peranan besar untuk memastikan kesihatan rakyat dan kestabilan politik didahulukan.</p>	16



<p><b>Hadirin Jumaat yang dihormati,</b></p> <p>Sesungguhnya peranan dan sumbangan Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam tidak dapat dinafikan lagi dalam menjaga kesucian dan penyebaran agama Islam. Apa sahaja isu dan permasalahan yang boleh mengganggu gugat Islam dan menimbulkan keresahan umat Islam seperti isu ajaran sesat akan menjadi penekanan dalam titah baginda. Baginda mahu fahaman yang menyeleweng seperti liberalisme perlu ditangani segera supaya tidak menjadi ikutan kerana boleh merosakkan aqidah umat Islam. Baginda juga menggesa umat Islam supaya terus istiqamah berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Baginda mahu diperbanyakkan penjelasan ilmiah mengenai pegangan ini melalui pengajian kitab akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh pendakwah-pendakwah yang bertauliah.</p>	17
<p><b>Hadirin Jumaat yang dikasihi,</b></p> <p>Duli Yang Maha Mulia Sultan merupakan Ulil Amri atau pemerintah yang wajib ditaati. Titah baginda amat jelas mengajak kepada kebaikan dan kemaslahatan ummah. Sebagai rakyat, kita hendaklah menjunjung kasih atas nasihat dan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta menzahirkan ketaatan yang tidak berbelah bagi. Dalam Islam, ketaatan kepada pemerintah adalah bermakna ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya dan keingkaran kepada pemerintah adalah merupakan juga keingkaran kepada Allah dan Rasul-Nya.</p>	18



<p>Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang mentaati aku, maka sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang mengingkari aku, maka sesungguhnya ia telah mengingkari Allah. Dan sesiapa yang mentaati amirku iaitu pemerintah, sesungguhnya ia telah mentaati aku. Dan sesiapa yang mengingkari amirku iaitu pemerintah, maka sesungguhnya ia telah mengingkari aku.”</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i></p>	19
<p>Selagi mana seseorang pemimpin atau pemerintah yang mentaati Allah, selagi itulah kita sebagai rakyat wajib mentaatinya.</p> <p><b>Hadirin sekalian,</b></p>	20
<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, marilah bersama-sama kita mengambil pengajaran daripada tausiah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa kekuasaan yang ada pada Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah amanah daripada Allah SWT untuk dilaksanakan dengan sebaiknya.</li><li>2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa mengingkari titah Sultan yang tidak bertentangan dengan syariat akan mengundang kemudaratan dan kerosakan.</li><li>3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa semua titah Sultan yang merupakan ketua agama Islam adalah demi kemaslahatan ummah yang wajib ditaati.</li></ol>	21



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	22
<p>“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”</p> <p>(al-Nisa' : 59).</p>	23
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	24
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	25



## KHUTBAH KEDUA


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُور، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمَوْظُفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.





	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15